



SIARAN MEDIA

PAMERAN EKSKLUSIF TUGU NEGARA DAN BICARA NEGARAWAN: YTM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA

KUALA LUMPUR: 30 November 2022 – Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Kedutaan Austria di Malaysia menganjurkan sebuah pameran khas iaitu “Pameran Eksklusif Tugu Negara dan Bicara Negarawan: YTM Tunku Abdul Rahman Putra” bertempat di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra. Program ini diadakan bersempena memperingati peranan dan sumbangan Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra dalam mewujudkan hubungan baik dengan negara luar seperti negara Austria sekaligus sebagai penghormatan kepada hubungan diplomatik Malaysia-Austria yang telah terjalin sejak tahun 1962. Hubungan baik antara kedua-dua negara ini dapat dilihat melalui pembinaan Tugu Negara yang tersergam indah di Taman Tugu, Kuala Lumpur di mana Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra telah menjalankan kerjasama dengan seorang pereka arca terkenal yang berasal dari Austria iaitu Felix de Weldon untuk membina sebuah tugu peringatan sebagai tanda penghormatan kepada lebih 11,000 perajurit yang gugur ketika mempertahankan kedaulatan negara.

Pameran Eksklusif Tugu Negara ini memaparkan sejarah kronologi pembinaan Tugu Negara melalui bahan-bahan berkaitan proses pembinaan Tugu Negara seperti surat-menyurat, teks ucapan, gambar-gambar, arca Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra yang disimpan dan dipelihara oleh Arkib Negara Malaysia. Pengunjung dapat melihat dan mempelajari dengan lebih mendalam mengenai sejarah di sebalik pembinaan Tugu Negara di samping memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya generasi muda.

Program ini dihadiri oleh TYT Andreas Launer, Duta Besar Austria ke Malaysia dan anak kepada Felix de Weldon iaitu Daniel de Weldon bersama pasangannya, Amy Deavoll yang diterbangkan dari Los Angeles, Amerika Syarikat. Turut hadir adalah anakanda Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra, YM Tunku Dato' Sri Ahmad Nerang Putra bersama isteri dan anak-anaknya serta anak-anak Almarhumah YM Tunku Khadijah. Program ini juga disertai oleh wakil-wakil dari agensi-agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia, institusi-institusi pemikiran, Kedutaan Amerika Syarikat dan lain-lain.

Program ini turut mempersempahkan sebuah bual bicara yang bertajuk “Tugu Negara: Cetusan Ilham YTM Tunku Abdul Rahman Putra” yang akan mengupas mengenai bagaimana Bapa Kemerdekaan mendapat ilham untuk membina Tugu Negara dan impaknya kepada masyarakat Malaysia dari perspektif tokoh pembicara. Bicara Negarawan ini akan diberi oleh tokoh-tokoh pembicara yang berpengalaman dan dijemput khas seperti YAM Tunku Zain Al-'Abidin ibni Tuanku Mukhriz, YM Tunku Mohd. Taufek bin Tunku Mansur, Daniel de Weldon serta T.Y.T Andreas Launer. Moderator bual bicara ini pula diserikan oleh personaliti TV tanah air, Cik Nurul Syuhaida binti Ariffin. Bicara Negarawan ini secara tidak langsung dapat menyuburkan kembali ingatan masyarakat Malaysia terhadap sumbangan dan jasa Perdana Menteri Malaysia yang pertama dari aspek pemikiran dan kepimpinannya sepanjang beliau mentadbir negara.

Idea pembinaan Tugu Negara telah dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra. Beliau mendapat inspirasi untuk membina tugu ini apabila tertarik melihat tugu peringatan yang dihasilkan oleh Felix De Weldon yang terletak di Memorial Iwo Jima, Amerika Syarikat ketika lawatan rasmi pertama ke Amerika Syarikat pada 25 Oktober 1960. Tugu peringatan itu merupakan sekumpulan patung gangsa seramai enam orang yang sedang menunjukkan bagaimana bendera Amerika Syarikat dinaikkan oleh Angkatan Laut Amerika di Gunung Surabachi, Jepun ketika Perang Dunia Kedua terjadi. Justeru itu, Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra bercita-cita untuk mendirikan sebuah tugu peringatan yang akan menjadi tarikan di Kuala Lumpur untuk memperingati barisan pejuang yang gugur semasa berjuang melawan pengganas-pengganas

Komunis di Tanah Melayu. Persahabatan yang terjalin antara Perdana Menteri Malaysia yang pertama dan pereka arca ini membawa hasil apabila Tugu Negara berjaya dibina sepenuhnya dan dirasmikan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin pada 8 Februari 1966.

Penganjuran program seumpama ini selaras dengan peranan Arkib Negara Malaysia dalam usaha menyebarluaskan maklumat sejarah yang disimpan sebagai khazanah warisan negara serta mendekatkan masyarakat dengan tokoh-tokoh negarawan khususnya bekas-bekas Perdana Menteri untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri yang tinggi serta cintakan sejarah negara.

ARKIB NEGARA MALAYSIA
22 NOVEMBER 2022

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: -
Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi
Arkib Negara Malaysia, Jalan Tuanku Abdul Halim
50568 Kuala Lumpur
Tel: 03-6209 0671/0672/0673/0674
Faks: 03-6201 5679
Emel: pro@arkib.gov.my



ARKIB NEGARA MALAYSIA
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
MINISTRY OF TOURISM ART AND CULTURE MALAYSIA
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50568 KUALA LUMPUR

Tel: 603-6209 0600
Faks: 603-6201 5679
Portal Rasmi: www.arkib.gov.my



PRESS RELEASE

Exclusive Exhibition of the National Monument and Statesman's Dialogue: YTM Tunku Abdul Rahman Putra

KUALA LUMPUR: 30 November 2022 – The National Archives of Malaysia in collaboration with the Austrian Embassy in Malaysia is organizing a special exhibition titled “A Monumental Affair – Tunku Abdul Rahman, Felix de Weldon and the Story of Tugu Negara” and Statesman's Dialogue: YTM Tunku Abdul Rahman Putra located at the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial. This programme is held in conjunction with commemorating the roles and contributions of YTM Tunku Abdul Rahman Putra in establishing good relations with foreign countries such as Austria as well as in honour of the Malaysia-Austria diplomatic relations that have been established since 1962. YTM Tunku Abdul Rahman Putra commissioned the famous sculptor from Austria, Felix de Weldon, to build an inspiring monument as a tribute to more than 11,000 soldiers who perished while defending the sovereignty of the country.

This exhibition displays the chronological history of the construction of the National Monument through archival materials related to the construction process of the National Monument such as correspondences, speech texts, photographs, newspaper articles as well as sculptures of YTM Tunku Abdul Rahman Putra which are kept and preserved by the National Archives of Malaysia. Visitors can discover and learn about the remarkable history of the National Monument and able to foster patriotism among Malaysians, especially the younger generation.

This programme is attended by H.E. Andreas Launer, Ambassador of Austria and Felix de Weldon's son, Daniel de Weldon together with his fiancée, Amy Deavoll especially flown in from Los Angeles, United States of America. Also attending are YTM Tunku

Abdul Rahman Putra's son, YM Tunku Dato' Sri Ahmad Nerang Putra with his wife and children as well as the children of YM Tunku Khadijah. This event is also attended by representatives from agencies under the Ministry of Tourism, Arts and Culture, the Ministry of Home Affairs, the Department of Veteran Affairs of the Malaysian Armed Forces, think tanks, the United States Embassy and others.

This event also includes a Statesman's Talk entitled "Tugu Negara: The Inspiration of YTM Tunku Abdul Rahman Putra" which will discuss how he was inspired to build the National Monument and its impact on Malaysians; Felix de Weldon the renowned artist and his hometown Vienna, Austria from the perspective of the speakers. The panelists of the Statesman's Talk are experienced and notable speakers such as YAM Tunku Zain Al-'Abidin ibni Tuanku Mukhriz, YM Tunku Mohd. Taufek bin Tunku Mansur, Daniel de Weldon and H.E. Honourable Andreas Launer. The moderator is Miss Nurul Syuhaida binti Ariffin, a TV personality. It is hoped that the talk will inspire as well as rekindle memories of Malaysians regarding the contributions of the first Prime Minister of Malaysia from the aspect of his philosophy and leadership throughout his reign of the country.

The idea to build the National Monument was initiated by the first Prime Minister of Malaysia, YTM Tunku Abdul Rahman Putra. He was inspired to erect this monument after seeing the Iwo Jima Memorial designed by Felix De Weldon located at Arlington County, Virginia, during his first official visit to the United States of America on 25 October 1960. The monument consists of bronze statues of six Marines raising the American flag on top of Mount Surabachi, Japan during World War II. Hence, YTM Tunku Abdul Rahman Putra aspired to construct a monument that would become an attraction in Kuala Lumpur to commemorate those who perished while fighting against Communist terrorists in Malaya. A friendship was formed between the first Prime Minister of Malaysia and the sculptor whilst the National Monument was in the process of being built and after it was successfully completed, the official launch was inaugurated by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin on 8 February 1966.

This programme is organized in line with the role of the National Archives of Malaysia in its efforts to disseminate historical information that is treasured national heritage as well as to bring the community closer to the figures of statesmen, especially our former

Prime Ministers, in order to build a nation that is proud of their national identity and values the country's history.

NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA
30 NOVEMBER 2022

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: -
Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi
Arkib Negara Malaysia, Jalan Tuanku Abdul Halim
50568 Kuala Lumpur
Tel: 03-6209 0671/0672/0673/0674
Faks: 03-6201 5679
Emel: pro@arkib.gov.my